

## Kefahaman Wanita Islam Kelas Menengah di Lembah Klang Terhadap Islam Liberal The Understanding of Middle Class Muslim Women in the Klang Valley towards Liberal Islam

AZALINA TATAR  
LATIFAH ABDUL MAJID

### ABSTRAK

*Fahaman Islam Liberal merupakan satu bentuk pemikiran yang sentiasa menganjurkan prinsip kebebasan dan keterbukaan dalam segenap aspek kehidupan sehingga melewati batasan syariah dan hukum-hakam yang telah ditetapkan dalam agama Islam sendiri. Sinonim dengan perjuangan isu-isu wanita yang merupakan salah satu ciri pemikiran mereka, gerakan ini dikatakan mula menular dalam kelompok masyarakat Islam di Malaysia dan telah mendapat tempat dalam kalangan segelintir masyarakat Islam kelas menengah contohnya di kalangan pertubuhan-pertubuhan NGO seperti Sisters in Islam, The Joint Action Group for Gender Equality (JAG) dan sebagainya. Isu-isu Islam Liberal ini sentiasa dibahaskan oleh kelompok kelas menengah melalui penulisan buku, ceramah, bengkel dan sebagainya. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat kelas menengah mengenai fahaman Islam Liberal dengan memfokuskan responden wanita yang terdiri daripada mereka yang berkerjaya peguam, pensyarah dan guru. Kajian ini memilih Lembah Klang sebagai lokasi utama kajian. Metode yang digunakan adalah gabungan dua metode utama iaitu metode kajian kepustakaan dan kajian tinjauan yang melibatkan instrumen pengedaran soal selidik serta temu bual. Hasil daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden mengenai fahaman Islam Liberal masih lagi berada di tahap sederhana terutamanya dalam kalangan guru disebabkan beberapa faktor seperti kurangnya pendedahan mengenai isu tersebut ditambah dengan kekangan masa kerana tanggungjawab yang perlu digalas. Pelbagai pendekatan perlu mempertingkatkan langkah-langkah sebagai usaha dalam memberi kefahaman terhadap masyarakat di Malaysia ini berhubung dengan fahaman Islam Liberal dan hal-hal yang berkaitan dengannya lebih-lebih lagi ideologi-ideologi yang dibawa oleh gagasan ini berkaitan dengan akidah umat Islam.*

*Kata Kunci: Wanita, Lembah Klang, Islam liberal, akidah Islam, kefahaman Islam*

### ABSTRACT

*The ideology of Liberal Islam is a way of thinking that has always hosted the principles of freedom and openness in all aspects of life so willing to pass syariah restrictions and laws that have been prescribed in Islam. Equally with the striving for the women's issues which is the one of their thinking characteristic, the Liberal Islam's movement broadens among the Muslims society in Malaysia for example to the Muslims' middle class such as NGO organizations; Sisters in Islam, The Joint Action Group for Gender Equality (JAG) and others. The issues of Liberal Islam have been discussed by many of them through books, lectures, conferences, workshops and so on. This study thus, aims to identify the understanding of middle class society about the Liberal Islam doctrine. This study focuses on women Muslim who works as lawyer, lecturer and teacher as respondents. It is because there are many issues presented by Liberal Islam related to the women. The Klang Valley has been preferred as the location in studying the ideas of Liberal Islam for those lawyers, lecturers and teachers. The two main research methods are applied; library research method and survey method which is involved the distribution of questionnaires and interviews. The results of the study demonstrate those respondents are appreciative towards the Liberal Islam ideology in moderate level especially among the teachers due to several factors such as lack of exposure on the issue and also the confinement period because of their responsibility to their works. Various approaches must be implemented as an effort in delivering the information regarding of Liberal Islam doctrine to the communities in Malaysia because it will effect the faith of Muslims.*

*Keywords: Women, Klang Valley, liberal Islam, Islamic faith, Islamic understandings*

### PENGENALAN

Dalam lipatan sejarah, umat Islam sentiasa berhadapan dengan pelbagai isu yang cuba menggugat keharmonian dan kesucian agama Islam serta penganutnya sendiri dengan kemunculan pelbagai

fahaman dan kepercayaan seperti Muktazilah, Jabariyah, Syiah dan sebagainya. Namun, kini di zaman era globalisasi cabaran tersebut diperhebatkan lagi dari sudut pemikiran dengan kemunculan fahaman-fahaman tertentu seperti sekularisme, rasionalisme, liberalisme, nasionalisme dan lain-lain.

Walaupun terdapat idea dalam fahaman tersebut yang boleh diterima pakai, namun begitu sebahagian besar daripadanya bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

Mengambil contoh fahaman liberalisme yang pada mulanya berlaku di negara Barat, kini telah menular ke negara-negara Islam termasuk Malaysia dan lebih dikenali sebagai fahaman Islam liberal. Jika disoroti dari sudut sejarah, kemunculan fahaman liberalisme dalam agama ini bertujuan untuk membebaskan manusia pada ketika itu dari kongkongan pihak agama Gereja. Hal yang sama turut berlaku pada hari ini kemunculan fahaman Islam liberal adalah bertitik tolak daripada gagasan yang merasakan umat Islam pada hari ini perlu dibebaskan daripada ikatan hukum-hakam Islam yang menurut mereka jumud dan ketinggalan zaman agar dapat bersaing dalam ledakan globalisasi. Lalu, golongan fahaman Islam liberal ini berhasrat untuk menanganinya dalam suatu bentuk pemikiran yang liberal atau bebas dan melangkaui batasan agama Islam itu sendiri.

Aliran Islam liberal mempunyai kecenderungan untuk menafsirkan semula al-Quran sesuai dengan gagasan yang mereka bawa selain mempertikai syariat Allah SWT dan hukum-hakam fiqah dengan hujah rasional serta menolak penguatkuasaan undang-undang moral agama. Golongan Islam liberal ini juga meletakkan akal lebih tinggi daripada wahyu. Gerakan Islam liberal di Malaysia, sekalipun tanpa memakai lencana 'Islam Liberal,' ia lebih banyak bersifat meniru apa yang sebelum ini wujud di negara-negara Timur Tengah dan Indonesia contohnya pertubuhan Sisters in Islam (SIS) yang banyak menimbulkan isu-isu kontroversi mengenai hak-hak wanita mutakhir ini.

#### KEMUNCULAN DAN PERKEMBANGAN WACANA ISLAM LIBERAL

Semangat pembaharuan dan keinginan untuk menjadikan agama agar sentiasa relevan dengan peredaran dan kemajuan zaman moden telah membawa kepada kemunculan gerakan pemikiran liberal dalam mana-mana agama. Liberalisme yang pada mulanya digunakan sebagai falsafah politik Barat kemudiannya telah meresap ke dalam semua aspek seperti ekonomi, sosial dan juga termasuk dalam bidang agama. Perbincangan mengenai kemunculan fahaman liberalisme dalam agama menerusi kebanyakan kajian terdahulu tidak akan terlepas daripada membicarakan proses liberalisasi yang terjadi dalam agama Kristian pada zaman renaissance sekitar abad ke-16 dan 17 Masihi.

Masyarakat Kristian ketika itu menganggap bahawa institusi gereja sebagai penghalang kepada kemajuan hidup, tafsiran-tafsiran penguasa agama mengenai hukum dan kebenaran dianggap sempit dan mengekang perkembangan ilmu dan kreativiti manusia. Pada masa inilah dikatakan bermulanya idea dan gerakan liberalisme dalam agama yang mempercayai bahawa masyarakat harus dibebaskan daripada tradisinya untuk mencapai kemajuan hidup dan kepercayaan ini terus berkembang menjadi satu gerakan intelektual yang berusaha merombak segala sistem kepercayaan dan struktur sosial yang dianuti dan diamalkan oleh masyarakat tradisi.

Di samping itu, dunia Islam juga tidak terlepas daripada pengaruh fahaman liberal ini melalui beberapa tokoh seperti Mohammed Arkoun yang mana menurut Shahrom TM (2002) telah menganjurkan interpretasi semula terhadap teks-teks agama dengan menggunakan teori pensejarahan atau 'historisisme,' Abdul Karim Soroush yang menganjurkan gagasan pluralisme yang mana menurut beliau kebenaran sebenar adalah milik orang-orang yang benar ikhlas dalam mencari kebenaran dan lain-lain.

Apabila membicarakan mengenai liberalisasi yang terjadi dalam agama Islam melalui penilaian terhadap kebanyakan kajian terdahulu didapati bahawa perkembangan fahaman liberal dalam Islam dikatakan mempunyai kesinambungan dengan gerakan modenisasi Islam yang digerakkan oleh beberapa orang cendekiawan Islam di Timur Tengah pada abad ke-20, seperti Jamaluddin al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh yang bertujuan menjadikan umat Islam maju dalam bidang sains dan teknologi yang berasaskan falsafah Barat. Walaupun begitu, pembaharuan yang dilakukan oleh kedua-dua tokoh tersebut hanya terbatas dalam bidang pendidikan untuk membebaskan umat Islam ketika itu daripada sifat taqlid supaya mereka tidak mundur. Namun begitu, ia kemudiannya menjadi satu aliran yang menjadikan rasionalisme sebagai prinsip dalam setiap pendekatan yang diambil. Ketika inilah dikatakan telah muncul aliran Islam Liberal melalui anak-anak murid Muhammad Abduh seperti Ali Abdul Raziq dan Qasim Amin yang aktif dalam mengembangkan gagasan-gagasan liberalnya sepertimana yang telah disebutkan oleh Shaharom TM (2002) dalam kajiannya.

Kemudian, fahaman Islam Liberal ini terus berkembang sehingga ke Nusantara, dan Indonesia merupakan titik permulaan kepada perkembangan wacana pemikiran Islam liberal di Nusantara melalui beberapa tokoh pelopor seperti Djohan Effendi dan Munawir Sjadzali melalui pertubuhan terkenal iaitu

Jaringan Islam Liberal (JIL). Fahaman Islam liberal terus berkembang di Indonesia hingga ke hari ini melalui pelbagai wacana dan perbahasan yang dihasilkan yang kebanyakannya telah memasuki ke negara ini. Di Malaysia pula, cetusan fahaman Islam liberal ini sering dikaitkan dengan kemunculan gerakan anti hadis yang dipelopori oleh Kassim Ahmad sekitar tahun 1980-an sepertimana yang telah dinyatakan oleh Ishak (2009). Dakwaan ini berdasarkan penilaian terhadap gagasan penolakan terhadap hadis yang dicanangkan oleh Kassim Ahmad menerusi penulisan-penulisan beliau.

Di antara individu dan pertubuhan yang sering dikaitkan dengan pengaruh Islam Liberal sepertimana yang diwarwarkan dalam kebanyakan kajian lepas adalah seperti Kassim Ahmad serta pertubuhan Jemaah al-Quran Malaysia yang menolak dan mempertikaikan hadis-hadis Nabi SAW. Selain itu, terdapat beberapa tokoh dari pertubuhan lain yang dikaitkan dengan perjuangan fahaman Islam liberal di negara ini seperti Syed Akbar Ali yang menolak hadis dan hukum-hakam fiqah Islam (Yoginder Sikand 2009), Sister In Islam (SIS), Pertubuhan Pertolongan Wanita atau Women's Aid Organisation (WAO), All Women's Action Society (AWAM), The Joint Action Group for Gender Equality (JAG) dan Zainah Anwar yang mendukung gagasan emansipasi wanita dan sentiasa menimbulkan isu-isu kontroversi mengenai hak-hak wanita. Selain itu, Astora Jabat yang pernah menimbulkan kontroversi menerusi isu aurat wanita serta Suruhanjaya Antara Agama atau Inter Faith Commision (IFC) yang menyokong isu pluralisme agama.

Apabila membahaskan mengenai tokoh-tokoh fahaman Islam liberal, adalah tidak keterlaluan sekiranya dikatakan bahawa senario perjuangan fahaman Islam liberal yang wujud hampir di setiap pelosok negara ini mempunyai perkaitan dengan masyarakat kelas menengah yang secara umumnya boleh ditakrifkan sebagai golongan perantara antara kelas atasan dan bawahan yang memiliki ciri-ciri seperti mempunyai latar belakang pendidikan yang tinggi dan menjawat jawatan yang penting dalam sesebuah organisasi seperti peguam, doktor, pensyarah, guru, pengurus, jurutera dan lain-lain. Sebagai gambaran awal, Amina Wadud yang juga merupakan seorang pensyarah universiti contohnya telah menuntut supaya hukum-hakam yang terdapat dalam al-Quran dirombak semula terutamanya yang berkaitan dengan wanita. Tambahan pula, perbahasan mengenai isu Islam liberal ini kebanyakannya tersebar dalam kalangan golongan kelas menengah sama ada dalam bentuk penulisan, ceramah, bengkel dan

sebagainya. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa masyarakat kelas menengah di negara lebih banyak terdedah dengan informasi-informasi yang berkaitan dengan gagasan Islam Liberal berbanding dengan kelompok masyarakat yang lain.

Bertitik tolak dengan kenyataan tersebut, maka makalah ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat Islam kelas menengah di Lembah Klang terhadap gagasan Islam liberal dengan memfokuskan kepada golongan wanita.

Bagi merealisasikan objektif kajian ini, beberapa metode telah digunakan untuk mendapatkan data seperti kaedah analisis dokumen, kaedah soal selidik dan kaedah temu bual. Metode analisis dokumen digunakan bagi menganalisis pelbagai dokumen termasuk buku, jurnal, makalah, kertas seminar, internet dan lain-lain sama ada yang diterbitkan oleh para pendokong aliran Islam liberal dan juga oleh beberapa orang pengkaji dan pengkritik aliran tersebut. Manakala metode soal selidik pula dijalankan dengan mengedar sejumlah 100 soalan soal selidik yang menggunakan skala Likert kepada para responden yang dipilih secara persampelan berasaskan tujuan atau pertimbangan yang termasuk dalam kategori persampelan non-probiliti telah digunakan memandangkan pengkaji sukar untuk mendapatkan satu senarai nama masyarakat wanita Islam kelas menengah di Lembah Klang. Berhubung dengan persampelan non-probiliti ini, Ahmad Sunawari (2009, 71) menjelaskan bahawa ia tidak mewakili populasi yang sebenar dan hasil kajian yang diperolehi tidak boleh digunakan untuk digeneralisasikan kepada sesuatu populasi.

## MASYARAKAT KELAS MENENGAH DI MALAYSIA

Menurut *Kamus Dewan* dengan mengutip teori Marxisme, golongan kelas menengah bermaksud orang yang memiliki kebanyakan harta dalam sistem kapitalis (Dewan Bahasa dan Pustaka 2005).

Menurut Zahir Zainuddin (2009) pula golongan kelas menengah merupakan golongan yang mempunyai pendidikan yang lebih baik, keadaan sosial yang stabil dan tahap pendapatan yang tinggi. Secara keseluruhannya, golongan kelas menengah memiliki beberapa ciri seperti bekerja dalam pertubuhan-pertubuhan agak besar, menerima pendapatan agak tinggi, dan berusaha mengumpul kemewahan. Dengan kemewahan, mereka mahu mendapat benda-benda yang lebih baik dalam hidup untuk keluarga mereka seperti keselesaan untuk membangunkan cara hidup

mereka sendiri, dan untuk memberi peluang kepada anak mereka bagi mencapai tahap pelajaran tinggi (Abdul Rahman Embong 2002).

Perbincangan mengenai pembentukan masyarakat kelas menengah di Malaysia melalui kajian-kajian terdahulu menunjukkan perkaitannya dengan zaman penjajahan British. Namun yang demikian, ia bukanlah bermaksud bahawa sebelum zaman penjajahan tersebut masyarakat kelas menengah tidak wujud. Hal ini telah dijelaskan melalui kajian yang dilakukan oleh Umran (1993) yang mana sejak awal perkembangan sejarah Melayu, telah wujud kelas perantara atau pertengahan antara pihak pemerintah istana dan rakyat biasa. Golongan ini yang terdiri daripada ketua kampung, imam dan peniaga berperanan menjalankan urusan pentadbiran bagi raja dan rakyat biasa. Tambahan pula, Abdul Rahman (1998) menyebut bahawa idea tentang kelas dan perbezaan kelas dalam masyarakat Melayu bukanlah sesuatu yang datang daripada Barat. Sebaliknya, pembicaraan ilmiah mengenai kelas-kelas sosial di Malaysia telah diperkenalkan daripada tradisi Barat.

Kemudian, kemasukan kuasa penjajah dan modal asing telah mengubah struktur kelas masyarakat Malaysia. Hal ini telah membentuk kelas-kelas baru, iaitu kelas kapitalis, kelas menengah dan kelas pekerja, manakala kelas-kelas tradisional, iaitu kelas bangsawan serta kaum tani masih dikekalkan. Zahir Zainuddin (2009) dengan memetik kenyataan Wheeler menyatakan kelas menengah Melayu muncul pada tahun 1920-an kerana menganggap orang Melayu berpendidikan Inggeris sebagai kelas menengah setelah dilantik sebagai kakitangan kerajaan British dan berupaya bertutur dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, golongan ini memiliki gaya hidup dan fikiran yang unik kerana menerima pendidikan Inggeris, berpendapatan tinggi dan mengalami pengalaman kerja yang menarik. Salah satu komponen penting kelas menengah yang mula muncul pada ketika itu adalah golongan pentadbir Melayu.

Pada awalnya, tumpuan kelas menengah Melayu ini adalah dalam sektor awam dan kemudian perubahan penumpuan ke sektor swasta atau moden telah bermula dengan pelancaran Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971 untuk menambah bilangan penyertaan orang-orang Melayu dan bumiputera ketika itu dalam kegiatan pembuatan dan perdagangan (Posiah 1987). Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah merombak struktur yang tidak seimbang dari segi etnik. Menurut Abdul Rahman (1998), impak globalisasi yang melanda negara Malaysia bukan tertumpu kepada sudut ekonomi semata-mata, bahkan

terhadap bidang politik dan sosiobudaya. Setelah separuh abad Malaysia mencapai kemerdekaan, kesan kolonialisme penjajah Barat memberi impak kepada negara dan seterusnya melahirkan kelas-kelas baru moden khususnya “kelas menengah.”

Melalui kajian Abdul Rahman (1998), dapat dirumuskan bahawa salah satu petunjuk penting kemunculan kelas menengah ialah perkembangan kategori pekerjaan yang memberikan mereka autoriti tertentu ke atas pekerja bawahan. Jenis pekerjaan yang sinonim dengan masyarakat kelas menengah ini adalah pekerjaan-pekerjaan yang berada di antara pemilik dan pihak kuasa tertinggi negara dan kelas bawahan. Kelas menengah bukan terdiri daripada pihak berkuasa tertinggi negara, tetapi pegawai dan pentadbir jentera biokrasi negara. Mereka juga bukannya pemilik syarikat, tetapi pengurus eksekutif syarikat.

Oleh yang demikian, dalam kajian ini, responden wanita dipilih berdasarkan pengkhususan pekerjaan. Ini adalah kerana seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, kriteria yang sering digunakan sebagai garis perbezaan atau pemisah kepada kelas-kelas sosial adalah pekerjaan. Berhubung dengan kriteria pekerjaan ini, Abdul Rahman (1998) telah menyatakan di dalam kajiannya bahawa terdapat dua golongan utama pekerjaan yang tergolong dalam kategori kelas menengah menurut klasifikasi pekerjaan rasmi negara iaitu pekerjaan profesional dan teknikal seperti doktor, jurutera, juruaudit, arkitek, akauntan, peguam, doktor gigi, juru ukur, ahli veteriner, guru, jururawat serta pentadbiran dan pengurusan termasuk ahli perundangan, pentadbir atau pegawai dalam perkhidmatan kerajaan serta pengurus syarikat.

Walaupun kajian-kajian lepas menunjukkan bahawa pekerjaan masyarakat kelas menengah di Lembah Klang lebih banyak tertumpu kepada bidang pengurusan, namun begitu responden dalam kajian ini akan dibataskan kepada bidang profesional di mana peguam dan pensyarah dan guru dari sektor dan swasta akan disoal selidik dan temu bual. Pemilihan dilihat ada rasionalnya kerana golongan inilah yang lebih banyak didedahkan dengan isu-isu fahaman Islam liberal. Contohnya, tuntutan isu-isu wanita fahaman Islam liberal atau murtad melibatkan respons daripada peguam-peguam negara bagi menjawab persoalan tersebut. Manakala pensyarah pula banyak didedahkan mengenai fahaman Islam liberal melalui subjek-subjek yang diajar, seminar, ceramah, penyelidikan yang dijalankan, diskusi ilmiah serta lain-lain lagi.

Mengenai pemilihan terhadap kerjaya guru pula adalah disebabkan kefahaman guru-guru terhadap



gerakan Islam Liberal di kalangan amatlah perlu kerana profesion pendidikan tinggi negara memainkan peranan penting dalam proses pembangunan manusia, masyarakat dan negara. Tambahan pula, profesion ini merupakan profesion paling utama di dalam proses penyerapan ilmu pengetahuan kepada individu dan masyarakat serta generasi yang akan datang. Justeru, pensyarah bukan sahaja perlu menguasai ilmu pengetahuan dalam bidang majornya sahaja, malah mereka juga perlu peka kepada isu-isu semasa global, mahupun global, terutamanya dalam mengharungi era globalisasi masa kini. Hal ini sejajar dengan Falsafah Pendidikan Negara iaitu:

Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap kehormanan dan kemakmuran masyarakat dan negara.

#### LATAR BELAKANG RESPONDEN

Sepertimana yang telah dijelaskan, kajian ini menggunakan metode pengedaran soal selidik terhadap 100 orang responden yang terdiri dalam kalangan wanita Islam kelas menengah di sekitar kawasan Lembah Klang. Beberapa aspek demografi responden dikenal pasti seperti umur, jawatan, sektor pekerjaan, tahap pendidikan, bidang pendidikan bagi menilai hubungan dan kaitannya dengan objektif yang ditentukan dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, peringkat umur responden telah dianalisis mengikut 4 kategori yang telah ditentukan berpandukan kajian yang telah dilakukan oleh Abdul Rahman (2002) iaitu kategori 30 tahun dan ke bawah, 31-40 tahun, 41-50 tahun dan seterusnya 50 tahun dan ke atas. Setelah dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS, keputusan menunjukkan bahawa responden yang berumur 30 tahun dan ke bawah dalam kajian ini adalah seramai 31 orang. Manakala responden yang berumur 31-40 tahun adalah seramai 40 orang dan responden yang berumur 41-50 tahun adalah seramai 27 orang. Seterusnya responden yang berumur 50 tahun dan ke atas adalah seramai 2 orang sahaja. Hal ini adalah sepertimana yang tertera dalam bentuk jadual di bawah:

JADUAL 1: Umur Responden

Umur	Frekuensi	Peratusan
30 ke bawah	31	31%
31-40	40	40%
41-50	27	27%
50 ke atas	2	2%
Jumlah	100 orang	100%

Berdasarkan jadual di atas, responden yang berumur di antara 31-40 merupakan responden yang paling ramai dalam kajian ini. Hal yang sama turut dijumpai dalam kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman (2002). Secara tidak langsung dapat disimpulkan bahawa kebanyakan umur masyarakat kelas menengah di Lembah Klang adalah di antara 31-40 tahun. Kemudian, status perkahwinan responden pula menunjukkan sebanyak 80% daripada mereka telah berkahwin. Manakala sebanyak 18% yang masih bujang dan hanya 2% sahaja yang telah bercerai.

Bagi jenis pekerjaan pula, tiga kerjaya iaitu pensyarah, peguam dan guru merupakan garis panduan yang digunakan untuk menentukan responden dalam kajian ini. Pada mulanya, kajian ini memerlukan seramai 60 orang guru, 20 pensyarah serta 20 peguam untuk disoal selidik. Namun begitu, disebabkan oleh kekangan masa serta tuntutan kerja yang amat padat, responden peguam terpaksa dikurangkan kerana hanya berjaya disoal selidik seramai 13 orang dan jumlah bilangan pensyarah turut ditambah menjadi seramai 27 orang.

Selain jenis pekerjaan, responden dalam kajian ini juga dipilih berdasarkan tahap pendidikan, iaitu hanya responden yang memiliki pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan ke atas yang difokuskan. Hasilnya, seramai 73 orang responden memiliki tahap pendidikan di peringkat Ijazah Sarjana Muda, 24 orang memiliki Ijazah Sarjana serta tiga orang memiliki Doktor Falsafah. Hal ini jelas menunjukkan bahawa telah berlakunya peningkatan tahap pendidikan pada hari ini dalam kalangan responden wanita Islam kelas menengah di Lembah Klang terutamanya dalam kalangan para pensyarah. Hasil kajian menunjukkan bahawa daripada seramai 24 orang responden yang memiliki Ijazah Sarjana, 19 orang daripadanya adalah pensyarah, empat orang adalah guru dan seorang adalah peguam. Manakala tiga orang responden yang memiliki Doktor Falsafah kesemuanya adalah pensyarah universiti.

Manakala bidang pengkhususan responden dalam kajian ini menunjukkan bahawa sejumlah 27

orang responden yang berkelulusan daripada bidang Pengajian Islam, tiga orang daripada bidang ekonomi, 16 orang pula memiliki latar belakang pendidikan daripada bidang perundangan dan seterusnya jumlah tertinggi responden yang mendominasi kajian ini adalah dalam kalangan wanita Islam kelas menengah yang memiliki bidang pengkhususan selain daripada bidang-bidang yang telah dinyatakan iaitu sejumlah 55 orang. Antara bidang-bidang pengajian tersebut adalah seperti bidang Bahasa Melayu, Matematik, Sains, Bahasa Inggeris yang mana kebanyakannya adalah daripada responden guru.

Seterusnya, huraian mengenai latar belakang responden ini diteruskan dengan penjelasan mengenai negara atau institusi responden mendapat pendidikan. Keputusan kajian mendapati bahawa hampir kesemua responden mendapat pendidikan di Malaysia iaitu sejumlah 90 orang. Manakala Negara-negara Timur Tengah pula diwakili oleh lima orang responden, negara Barat seramai empat orang dan seorang responden mendapat pendidikan daripada negara selain yang telah disebutkan.


#### KEFAHAMAN WANITA ISLAM KELAS MENENGAH TERHADAP ISLAM LIBERAL

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap kefahaman masyarakat wanita Islam kelas menengah di Lembah Klang mengenai fahaman Islam liberal. Kefahaman masyarakat Islam terhadap fahaman Islam liberal ini sangat penting kerana ia mampu mempengaruhi seseorang individu itu sama ada menerima atau menolak gagasan yang dibawa oleh golongan tersebut.

“Kefahaman” menurut *Kamus Dewan* (2005) bermaksud keupayaan (kemampuan) memahami, faham tidaknya (seseorang) akan sesuatu yang dipelajari (dibaca dan sebagainya). Kefahaman terhadap gagasan Islam liberal dalam konteks kajian ini bermaksud pengetahuan serta pemahaman responden mengenai maksud fahaman Islam liberal diuji menerusi beberapa kenyataan yang diberikan sama ada melalui soal selidik ataupun temu bual.

Dalam soal selidik, persoalan-persoalan tersebut dikemukakan dan ia menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden mengenai hal ini masih berada di tahap sederhana, hanya 53 responden yang telah memahami apa yang dinamakan sebagai Islam liberal (32% responden yang bersetuju + 21% responden yang sangat setuju) menerusi kenyataan yang berkaitan iaitu “Fahaman Islam liberal adalah satu bentuk pemikiran yang berkehendakan kepada

keterbukaan dan kebebasan dalam berjihad dengan melampaui batas-batas yang telah digariskan oleh Islam.” Definisi ini telah dipetik daripada kajian-kajian lepas yang kemudiannya diolah mengikut pandangan pengkaji. Keputusan kajian terhadap definisi fahaman Islam liberal ini dalam bentuk carta pai adalah seperti berikut:



RAJAH 1: Fahaman Islam Liberal

Di samping itu, kefahaman responden terhadap fahaman Islam liberal turut diuji dengan kenyataan “Fahaman Islam liberal telah terkesan dengan pemikiran Barat yang sebenarnya ingin menghancurkan umat Islam.” Menerusi kenyataan yang dikemukakan ini, sebanyak 73% responden yang telah faham bahawa Islam liberal merupakan fahaman yang terpengaruh daripada pemikiran dunia Barat. Peratusan responden yang tidak bersetuju pula adalah sebanyak 3% manakala sebanyak 6% responden yang sangat tidak bersetuju serta 18% responden yang tidak pasti dengan kenyataan yang dicatatkan.

Setelah itu, kefahaman responden terhadap gagasan Islam liberal dikaji dengan kenyataan “Fahaman Islam liberal mengancam akidah umat Islam.” Berhubung dengan kenyataan ini pula, sebanyak 75 orang responden (26 orang bersetuju + 49 sangat setuju) yang sememangnya faham atau sedar mengenai bahayanya atau ancaman gagasan Islam liberal terutamanya terhadap akidah mereka. Selain itu, sebanyak enam orang memberikan jawapan tidak setuju manakala sejumlah 13 orang responden yang memberi maklum balas tidak pasti terhadap kenyataan tersebut.

Berdasarkan huraian terhadap ketiga-tiga kenyataan yang dijelaskan di atas, dapat difahami bahawa tahap kefahaman responden masyarakat wanita Islam kelas menengah terhadap fahaman Islam liberal ini masih berada pada tahap yang kurang memuaskan iaitu sederhana sama ada kefahaman terhadap maksud Islam liberal itu sendiri, sejarahnya

mahupun implikasi atau kesannya ke atas akidah umat Islam. Tegasnya, masih ramai lagi responden yang tidak memahami apakah yang disebut sebagai fahaman Islam liberal walaupun ia merupakan isu yang sudah lama dibincangkan.

#### KEFAHAMAN TERHADAP TOKOH-TOKOH ISLAM LIBERAL

Selain itu, kefahaman responden mengenai fahaman Islam liberal dalam kajian ini juga merangkumi kepada kefahaman mereka terhadap tokoh-tokoh perjuangan gagasan tersebut yang meliputi di negara Malaysia dan di Indonesia. Sebanyak dua kenyataan yang berkaitan telah dikemukakan dan mendapati bahawa pemahaman responden terhadap persoalan-persoalan tersebut berada pada tahap tidak memuaskan, hanya 52 orang bersetuju bagi kenyataan bahawa “Fahaman Islam liberal di Malaysia diperjuangkan melalui beberapa individu seperti Astora Jabat, Zainah Anwar dan pertubuhan NGO seperti Sisters in Islam, Musawah, Gender Equality, dan lain-lain.” Manakala bakinya iaitu 32 orang responden yang tidak pasti, 4 orang yang tidak bersetuju dan seterusnya seramai 12 orang responden yang memberikan jawapan sangat tidak bersetuju terhadap kenyataan yang diutarakan tersebut.


Merujuk kepada persoalan kedua pula iaitu “Di Indonesia, pengaruh fahaman Islam Liberal telah tersebar luas melalui beberapa tokoh terkenal seperti Nurcholish Madjid, Harun Nasution, Budhy Munawar dan lain-lain,” keputusannya ialah ramai responden yang memberikan reaksi tidak pasti dengan persoalan tersebut iaitu seramai 44 orang. Justeru, ia menunjukkan bahawa tahap kefahaman responden terhadap tokoh-tokoh tersebut masih lagi dalam kategori sederhana.

Kebanyakan responden masih lagi tidak mengetahui siapakah individu-individu yang sering dikaitkan dalam menyebarkan pengaruh pemikiran liberal ini di Malaysia dan Indonesia. Keterbatasan pengetahuan serta kefahaman responden mengenai perkara ini adalah disebabkan responden-responden tersebut kurang mengambil peduli terhadap isu-isu yang berkaitan dengan fahaman Islam liberal ini disebabkan kurangnya kesedaran terhadap ancaman fahaman tersebut sepertimana yang ditemui dalam hasil temu ramah yang dijalankan ke atas responden.

#### KEFAHAMAN TERHADAP TUNTUTAN FAHAMAN ISLAM LIBERAL

Gerakan Islam liberal melalui gagasannya telah menuntut atau memperjuangkan beberapa perkara bagi memenuhi tuntutan pemikiran mereka. Melalui kajian ini, responden wanita Islam kelas menengah telah diajukan dengan beberapa pernyataan yang berkaitan, iaitu “Fahaman Islam liberal menganjurkan gagasan “Pluralisme Agama” iaitu semua agama adalah benar menuju tuhan yang satu.” Bagi kenyataan ini, 42% (28% responden bersetuju + 14% responden sangat setuju) telah faham antara isu yang diperjuangkan oleh aliran Islam liberal adalah pluralisme agama. Kemudian, 27% responden tidak pasti dengan kenyataan tersebut dan selebihnya iaitu 19% sangat tidak setuju manakala 12% responden yang tidak setuju.

Tahap kefahaman responden wanita Islam kelas menengah mengenai perjuangan gagasan Islam liberal diuji melalui kenyataan berikutnya iaitu “Melalui gagasan pluralisme agama, Islam liberal telah membenarkan orang Islam untuk murtad, perkahwinan berlainan agama serta orang bukan Islam berhak untuk mewarisi harta pusaka.” Hasil kajian menunjukkan bahawa 29 orang telah memahami isu-isu yang diketengahkan oleh Islam liberal melalui gagasan pluralisme agama. Seramai 44 orang berpendapat sebaliknya dan 27 orang yang memberikan jawapan tidak pasti.



RAJAH 2: Melalui Gagasan Pluralisme Agama, Islam Liberal Telah Membenarkan Orang Islam untuk Murtad, Perkahwinan Berlainan Agama Serta Orang Bukan Islam Berhak untuk Mewarisi Harta Pusaka

“Fahaman Islam liberal juga menuntut hak persamaan antara lelaki dan wanita melalui isu-isu seperti poligami, pembahagian harta pusaka, kepimpinan wanita dan kewajipan menutup aurat”

diajukan kepada responden. Berdasarkan persoalan tersebut, terdapat seramai 49 orang responden telah tahu dan faham mengenai isu-isu wanita menurut fahaman Islam liberal. Manakala 19 orang responden memberikan jawapan sangat tidak setuju dan 17 orang yang tidak setuju. Selebihnya iaitu seramai 15 orang responden telah memberikan respons tidak pasti terhadap persoalan tersebut.

Persoalan terakhir yang dinyatakan bagi menilai kefahaman responden wanita Islam kelas menengah terhadap tuntutan-tuntutan gagasan Islam liberal adalah “Fahaman Islam liberal menuntut supaya hukum-hakam yang terdapat dalam al-Quran perlu ditafsir atau dirombak semula.” Berhubung dengan persoalan tersebut, sebanyak 34 orang telah menunjukkan pemahaman mereka terhadap tuntutan-tuntutan oleh gagasan Islam liberal ini. Selain itu, seramai 21 orang memberikan jawapan tidak pasti dan 32 orang pula memberikan jawapan sangat tidak setuju serta 13 orang daripada jumlah responden telah memberikan respons tidak setuju.

Setelah meneliti hasil kajian yang berkaitan dengan kefahaman responden terhadap tuntutan atau isu-isu yang diperjuangkan oleh gerakan fahaman Islam liberal ini, pengkaji mendapati bahawa tahap kefahaman para responden masih berada pada aras yang kurang memuaskan. Masih ramai lagi responden dalam kalangan masyarakat Islam kelas menengah tidak jelas tuntutan yang dikemukakan oleh fahaman tersebut sedangkan hal ini perlu diketahui kerana ia melibatkan isu-isu kontroversi yang berkaitan dengan kaum wanita sendiri.

Walau bagaimanapun, melalui temu bual yang dijalankan, terdapat segelintir responden yang mengetahui atau pernah mendengar mengenai tuntutan isu-isu tersebut khususnya isu-isu wanita melalui sumber bahan bacaan dan media elektronik seperti di radio, namun begitu responden tidak begitu jelas terhadap pihak atau individu-individu yang memperjuangkan isu-isu berkenaan. Dengan erti kata lain, terdapat responden yang tidak mengetahui isu-isu tersebut mempunyai perkaitan dengan gerakan Islam Liberal.

Kebanyakan responden yang telah faham mengenai Islam liberal ini adalah terdiri dari kalangan pensyarah terutamanya yang berkelulusan daripada bidang Pengajian Islam. Tegasnya, masih terdapat responden wanita Islam kelas menengah di kawasan Lembah Klang yang tidak memahami mengenai pemikiran Islam liberal ini terutamanya para guru. Isu ini walaupun nampak remeh, namun ia perlu diberikan penelitian yang segera kerana ia mampu

memberi impak negatif kepada akidah serta syariah seseorang individu itu.

Dakwaan tersebut ada relevannya kerana secara logik, sekiranya seseorang individu itu tidak mengetahui atau memahami bahawasanya Nicholis Madjid, Nasr Hamid Abu Zayd, Fatima Mernissi, Sisters in Islam, Ali Abd al-Raziq, Faraj Foudah atau yang lainnya merupakan tokoh yang memperjuangkan fahaman Islam liberal ini, maka ini akan memberi ruang yang lebih besar kepada individu tersebut untuk terkesan dengan pemikiran atau ideologi bahaya yang dibawa oleh tokoh-tokoh berkenaan. Ditambah pula tokoh-tokoh tersebut banyak menghasilkan karya-karya tertentu yang mana melibatkan perbincangan-perbincangan yang disertakan dengan hujah daripada ayat-ayat al-Quran atau hadis-hadis Nabi SAW untuk menyokong serta menguatkan lagi pandangan liberal yang diperjuangkan oleh mereka. Justeru, hal ini lebih membimbangkan kerana pembacaan seseorang individu boleh mempengaruhi gaya pemikiran individu tersebut.

Kenyataan pengkaji di atas turut dibuktikan dalam kebanyakan kajian lepas telah membuktikan bahawa bahan bacaan seperti buku, majalah dan sebagainya berupaya mempengaruhi pemikiran seseorang dan dapat menyumbang kepada pembentukan akhlak seseorang. Sebagai contoh Atan (1984) dalam penulisannya menjelaskan bahawa melalui pembacaan, seseorang itu dapat memperkayakan rangsangan-rangsangan dan seterusnya membentuk konsep-konsep baru yang akan menjadi bahan mentah dalam proses pemikiran. Tanpa kita sedar sebenarnya buku banyak mempengaruhi mentaliti kita atau bagaimana kita berfikir. Pemilihan buku-buku ringan dan berat akan mengubah cara kita berfikir.

Bagi menghubungkan kepentingan bahan bacaan dengan isu yang disentuh dalam kajian ini, pengkaji akan memberikan gambaran umum sekiranya terdapat individu-individu yang berpakaian dengan tidak menutup aurat kemudian membaca karya-karya yang dihasilkan oleh pihak gerakan Islam liberal, ini akan melahirkan lebih ramai lagi umat Islam yang berpakaian tidak menutup aurat kerana berasakan tindakan mereka itu tidak bertentangan dengan Islam disebabkan wujudnya pihak-pihak yang menyokong serta dikuatkan lagi dengan hujah-hujah daripada ayat suci al-Quran. Justeru, sekiranya pengaruh fahaman Islam liberal ini tidak diberikan penelitian yang terperinci, ia akan memburukkan lagi masa depan agama Islam khususnya di Malaysia terutamanya dalam kalangan generasi yang akan datang.

Apa yang lebih dibimbangi di sini adalah kesamaran atau ketidakjelasan responden dalam



kajian ini terhadap permasalahan Islam liberal yang melibatkan kelompok profesional yang sering didedahkan dengan maklumat mengenai isu-isu semasa. Sekiranya hal yang sama diajukan kepada masyarakat awam yang kurang diberi penjelasan mengenai fahaman ini sudah tentu hasilnya lebih menunjukkan kepada nilai negatif.

Oleh yang demikian, situasi ini perlu diberi perhatian yang serius oleh pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menyalurkan maklumat mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan fahaman Islam liberal di samping menjalankan pelbagai langkah bagi mencegah atau menyekat pengaruh fahaman tersebut. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa pengetahuan serta kefahaman terhadap fahaman Islam liberal ini perlu dititikberatkan oleh semua lapisan masyarakat bermula daripada peringkat pelajar-pelajar IPTA/IPTS, masyarakat kelas atasan, menengah mahupun bawahan supaya kesucian agama dan akidah dapat dipelihara daripada dicemari oleh individu-individu yang hanya menurut perintah akal dan hawa nafsu sehingga membelakangkan peraturan atau syariat yang telah ditetapkan oleh Islam sendiri. Pendapat ini turut disokong oleh beberapa responden yang telah ditemu bual dalam kajian ini.

#### FAKTOR-FAKTOR KURANG MEMAHAMI

Berpandukan kepada tahap kefahaman responden wanita Islam kelas menengah di Lembah Klang yang sederhana terhadap pemikiran Islam liberal, maka pengkaji akan menghuraikan beberapa faktor yang menyebabkan kurangnya kefahaman responden mengenai permasalahan Islam liberal ini. Antara faktor-faktor tersebut adalah seperti yang berikut:

##### *KURANG PENDEDAHAN*

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, terdapat dalam kalangan responden-responden terutamanya guru-guru yang secara jujur memberitahu bahawa mereka sememangnya tidak memahami apa yang dikatakan sebagai Islam liberal. Malah lebih kritikal lagi apabila ada di antara responden yang tidak pernah mendengar istilah Islam liberal. Tidak kurang juga ada responden yang keliru dengan maksud fahaman Islam liberal tersebut dengan anggapan bahawa Islam liberal itu merupakan satu bentuk gagasan Islam yang baru yang boleh diterima pakai sepertimana Islam Hadhari.

Menerusi temu bual juga, pengkaji meneliti faktor-faktor yang menyebabkan mereka tidak begitu faham akan istilah Islam liberal itu sendiri.

Setelah dinilai jawapan yang diberikan, didapati ada kebenarannya kerana menurut pandangan pengkaji, walaupun isu mengenai Islam liberal ini telah lama dibahaskan, namun begitu ia hanya didedahkan secara meluas dalam kalangan golongan profesional seperti pensyarah menerusi seminar-seminar, penulisan artikel dan sebagainya.

Tambahan pula, isu fahaman Islam liberal ini sering dibincangkan atau didedahkan dalam kelompok-kelompok individu yang mengambil bidang pengkhususan Pengajian Islam melalui subjek-subjek yang pernah dipelajari atau subjek-subjek yang diajar seperti Pemikiran Islam Semasa dan sebagainya. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan bahawa latar belakang pendidikan yang pelbagai khususnya dalam kalangan responden guru-guru seperti berkelulusan dalam bidang Pengajian Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan lain-lain menambah lagi kepada rendahnya tahap kefahaman mereka mengenai isu Islam liberal ini.

Kenyataan ini ada wajarnya sekiranya dikaji dari sudut responden yang berkelulusan selain Pengajian Islam, pengetahuan dan kefahaman mereka mengenai gagasan Islam liberal ini adalah bergantung kepada sumber-sumber bahan bacaan tertentu yang memerlukan mereka untuk meluangkan masa yang lebih untuk mendapatkan ilmu yang luar daripada bidang pengetahuan mereka. Hal ini sudah tentu dilihat sebagai sesuatu yang sukar bagi responden tersebut. Perbincangan atau perbahasan mengenai fahaman Islam liberal kebanyakannya dalam bentuk bahan bercetak menyumbangkan lagi kepada faktor mereka kurang mengambil peduli mengenai isu fahaman berkenaan. Hal ini disebabkan kerana keterbatasan masa mereka kerana berhadapan dengan bebanan kerja yang cukup berat. Oleh yang demikian, tidak hairanlah sekiranya tahap kefahaman golongan ini masih berada pada tahap yang masih lagi kurang memuaskan. Responden juga berpendapat bahawa ia lebih menarik sekiranya dibincangkan secara meluas di rangkaian media-media elektronik seperti di kaca televisyen dan sebagainya.

Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh pihak responden terhadap pihak-pihak tertentu seperti JAIS dan JAKIM yang dirasakan bertanggungjawab dalam menyebarkan maklumat dan memberi kefahaman kepada masyarakat awam khususnya mengenai fahaman Islam liberal ini. Antara cadangan tersebut adalah dengan menyalurkan maklumat-maklumat berkenaan dalam laman-laman sosial seperti *Facebook* kerana ia mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dalam kalangan setiap lapisan masyarakat sama ada di Malaysia mahupun

di seluruh dunia. Kebanyakan responden yang ditemu bual juga berpendapat bahawa pengaruh fahaman Islam liberal ini perlu dibendung dan disekat lebih-lebih lagi dengan melihat kepada isu yang timbul baru-baru ini mengenai dakwah atau strategi pihak gereja Kristian dalam usaha menyebarkan fahaman mereka. Menurut responden, sekiranya fahaman ini tidak disekat dan dibendung, maka ia berpotensi untuk terus berkembang sepertimana yang berlaku di negara jiran, iaitu Indonesia.

#### KEKANGAN MASA

Selain daripada kurangnya pendedahan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan fahaman Islam liberal, terdapat responden yang menyatakan bahawa faktor lain yang mempengaruhi terhadap tahap kefahaman mereka adalah disebabkan kerana kekangan masa. Masa lapang yang sangat terhad atas desakan tanggungjawab terhadap kerjaya serta keluarga menyebabkan responden berasa tidak berminat untuk mengambil tahu terhadap isu-isu yang berkaitan dengan hal-hal yang berada di luar lingkungan skop kerjaya mereka.

Keterbatasan masa ini dirasakan ada relevannya dengan melihat kepada tanggungjawab yang perlu digalas oleh ketiga-tiga jenis pekerjaan yang ditumpukan dalam kajian ini iaitu pensyarah, peguam dan juga guru. Umum mengetahui bahawa selain tuntutan mengajar, guru-guru masa kini diamanahkan dengan pelbagai tugas lain seperti perlu terlibat dengan kegiatan-kegiatan kokurikulum, kursus serta bengkel-bengkel yang berkaitan sebagai persediaan demi meningkatkan prestasi murid-murid. Manakala pensyarah pula diarah untuk menjalankan kajian-kajian tertentu, menghadiri seminar-seminar selain perlu menghadirkan diri dalam sesi perkuliahan ataupun tutorial. Selain itu, peguam juga perlu mengendalikan kes-kes tertentu di samping menghadiri kursus atau seminar-seminar yang dipertanggungjawabkan.

Justeru, kekangan masa ini menyebabkan responden kurang memahami apa yang dimaksudkan dengan Islam Liberal sekaligus tidak menyedari atau mengetahui ancaman atau kesan fahaman berkenaan terhadap akidah mahupun syariah mereka. Walau bagaimanapun, menurut pengkaji, sebagai umat Islam kita seharusnya lebih peka terhadap isu-isu semasa lebih-lebih lagi yang menyentuh tentang agama Islam. Apatah lagi ia melibatkan maklumat mengenai serangan pihak musuh terhadap kemurnian Islam yang bertujuan untuk merosakkan kepercayaan atau akidah umat Islam sendiri.

#### KEPENTINGAN MEMAHAMI ISLAM LIBERAL

Kefahaman mengenai pemikiran Islam liberal ini perlu dititikberatkan oleh pelbagai pihak. Dalam topik ini, pengkaji akan menghuraikan kepentingan-kepentingan dalam memahami pemikiran Islam liberal ini seperti:

#### MEMELIHARA AKIDAH

Isu mengenai fahaman Islam liberal walaupun sudah lama dibincangkan, namun begitu pendedahan mengenai ancaman fahaman tersebut terhadap akidah seseorang kurang dibahaskan serta diwarwarkan. Oleh yang demikian, dalam bahagian ini, pengkaji akan memperlihatkan bagaimana fahaman tersebut mampu memberi kesan atau dengan kata lain mampu mengancam atau menyeleweng akidah atau sistem kepercayaan seseorang Mukmin.

Pemikiran yang dibawa oleh gagasan Islam liberal jelas bertentangan dengan akidah Islam. Sebagaimana yang telah dijelaskan, fahaman Islam liberal mempertikaikan hukum-hukum yang telah ditentukan oleh Allah SWT, seperti pemakaian tudung, poligami dan sebagainya dengan cara menyeleweng ayat-ayat al-Quran. Hal ini menunjukkan pertentangan tuntutan fahaman tersebut dengan akidah sejati menurut Islam kerana mereka tidak yakin atau ragu terhadap sebahagian ajaran Islam yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Tambahan pula, golongan liberal ini menolak hadis-hadis Nabi SAW yang sememangnya telah diperakui dalam Islam sebagai sumber yang kedua dalam penetapan hukum setelah al-Quran. Pertembungan di antara fikrah golongan Islam liberal ini dengan akidah Islam ternyata jelas kerana Islam menuntut supaya umatnya percaya kepada nabi-nabi Allah SWT sedangkan golongan tersebut menafikannya demi memenuhi tuntutan ideologi yang digagaskan oleh mereka.

Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa sekiranya seseorang individu itu memiliki dan menguasai pengetahuan serta pemahaman mengenai fahaman Islam Liberal, sudah tentulah ia dapat memelihara kesucian akidah individu tersebut daripada tercemar. Tambahan pula, menurut Abdullah Akhili et al. (2006) akidah adalah penggerak yang mencorakkan kehidupan seseorang dan akidah yang rosak akan mengakibatkan seseorang individu itu terdedah dengan pelbagai masalah dalam kehidupan serta kemungkaran seperti melakukan jenayah, keruntuhan akhlak dan sebagainya.

### MENJAGA SYARIAH ISLAM

Sepertimana akidah, pengetahuan serta kefahaman terhadap fahaman Islam Liberal juga penting dalam menjaga syariah Allah SWT. Berdasarkan kajian-kajian lepas menyatakan bahawa syariah mengikut bahasa bermaksud sumber air atau jalan. Manakala dari segi istilah, syariah boleh didefinisikan sebagai segala perkara yang digariskan oleh Allah SWT kepada hamba-Nya melalui perantaraan Rasul-Nya yang merangkumi seluruh peraturan, kaedah atau hukum-hakam bagi memastikan kebahagiaan mereka di dunia dan di akhirat. Oleh yang demikian, sebagai khalifah di muka bumi ini kita diwajibkan untuk melaksanakannya dengan penuh rasa tanggungjawab tanpa ada rasa keraguan terhadap peraturan atau hukum tersebut.

Syariat Islam bersifat sempurna dan mencakupi seluruh aspek kehidupan manusia bermula daripada urusan peribadi, keluarga, masyarakat dan negara. Ia juga meliputi pelbagai bidang seperti akidah, muamalat, jenayah, ekonomi, politik, akhlak dan sebagainya. Malah syariah mempunyai perkaitan yang rapat dengan dua komponen lain iaitu akidah dan akhlak. Seseorang Muslim yang mempunyai akidah yang mantap akan melaksanakan syariah Islam yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dengan ikhlas dan kemudiannya akan lahir peribadi atau akhlak seorang Muslim yang mukmin di mana seluruh aktiviti kehidupannya merupakan pengabdian diri kepada Allah SWT.

Walaupun telah dinyatakan dalam al-Quran bahawa syariah Islam bersifat syumul dan adil sepertimana firman Allah SWT dalam surah al-An'am ayat 115 yang bermaksud:

Dan telah sempurnalah kalimah Tuhanmu (al-Quran, meliputi hukum-hakam dan janji-janji-Nya) dengan benar dan adil. Tiada sesiapa yang dapat mengubah sesuatupun dari kalimah-kalimah-Nya; dan Dialah yang sentiasa Mendengar, lagi sentiasa mengetahui.

Namun begitu gagasan yang dibawa oleh pemikiran Islam Liberal tetap mempertikaikan hukum-hakam Allah SWT malah menuntut supaya hukum-hakam tersebut khususnya hukum-hakam yang berkaitan dengan wanita dirombak semula dengan dakwaan yang tidak berasas sama sekali iaitu terdapat "bias gender" terhadap hukum-hakam tersebut hanya disebabkan mufassir-mufassir al-Quran adalah terdiri dalam kalangan lelaki. Walaupun pada hakikatnya memang benar para mufassir al-Quran terdiri dalam kalangan lelaki, namun yang

demikian persoalannya di sini, adakah hukum Allah SWT benar-benar menindas kaum wanita?

Bagi menjawab persolan ini, perlu ditegaskan bahawa perbezaan di antara lelaki dan perempuan dalam sesetengah hukum tidak bermakna bahawa kaum lelaki lebih mulia daripada kaum perempuan. Namun begitu, perbezaan ini adalah kerana keperluan tugas dan tanggungjawab yang sesuai dengan fitrah setiap lelaki dan wanita. Adapun mengenai kemuliaan seseorang itu telah dijelaskan dalam al-Quran bahawa manusia yang paling mulia di sisi Allah adalah mereka yang bertaqwa kepada Allah tidak kira lelaki ataupun wanita.

Tuntutan yang diketengahkan oleh fahaman Islam liberal ini bertentangan sama sekali dengan apa yang dianjurkan serta dituntut oleh agama Islam itu sendiri yang memerintahkan umat Islam untuk melaksanakan syariah atau hukum-hakam Allah SWT dengan keyakinan yang penuh dan tanpa ada rasa was-was. Justeru, sudah tentulah fahaman yang asalnya daripada Barat ini, merupakan satu usaha atau langkah untuk meruntuhkan sistem syariah Islam. Bertitik tolak daripada kenyataan tersebut, penguasaan terhadap maklumat-maklumat yang berkaitan gagasan Islam liberal amat perlu dalam kalangan setiap lapisan masyarakat Islam bagi melindungi kesucian syariah Islam.

### KECEMERLANGAN UMMAH

Islam merupakan sebuah agama yang sentiasa menggalakkan umatnya untuk menuntut ilmu pengetahuan apatah lagi ilmu-ilmu yang berkaitan dengan agama. Malah seseorang individu itu digesa untuk menggunakan daya inteleknya untuk mempertingkatkan kehidupannya melalui peningkatan intelektual dan ilmu pengetahuannya. Oleh yang demikian, ilmu mengenai gagasan Islam liberal ini juga perlu dimiliki oleh setiap individu bagi tujuan untuk memelihara akidah serta syariah dan seterusnya bagi proses pembangunan insan untuk melahirkan serta membentuk generasi atau ummah yang cemerlang.

Adapun istilah pembangunan insan itu telah dihuraikan oleh Zakaria (2001) dengan maksud usaha-usaha pembinaan sahsiah dalam diri manusia dengan nilai-nilai positif selaras dengan tuntutan syarak supaya kewujudan mereka di alam ini menjadi sumber kepada kebaikan dan kesejahteraan hidup. Oleh yang demikian, semestinya kita tertanyanya apakah kaitan atau hubungan ilmu mengenai gagasan fahaman Islam liberal ini dalam proses pembangunan insan? Bagi merungkai persoalan

tersebut, adalah lebih baik sekiranya diimbas kembali zaman kegemilangan tamadun umat Islam suatu ketika dahulu merupakan usaha Nabi Muhammad SAW mengubah kehidupan tidak bermoral masyarakat Jahiliyah memasuki satu dunia baru yang dipenuhi dengan nilai-nilai kemanusiaan yang cukup tinggi dan mantap.

Berdasarkan huraian di atas, dapat disimpulkan bahawa fenomena yang melanda pada abad ini iaitu serangan pemikiran Islam liberal tidak ubah gayanya seperti masyarakat Jahiliyah moden yang ingin memisahkan manusia daripada ajaran sebenar Islam. Sepertimana Rasulullah SAW, maka masyarakat pada hari ini perlu berganding tenaga dan menggembelng usaha ke arah pemurnian akidah daripada anasir-anasir yang bertentangan dengan agama Islam demi kepentingan pembangunan insan sebagai usaha membentuk sebuah masyarakat bertamadun yang memiliki nilai-nilai agama yang tinggi.

Bagi mencapai matlamat tersebut, benteng keimanan umat Islam perlu diperkukuhkan serta setiap masyarakat perlu didedahkan dengan ilmu pengetahuan dan kefahaman yang berkaitan dengan agama Islam sendiri yang menyentuh pelbagai aspek termasuklah bentuk-bentuk serangan musuh dalam menghancurkan agama Islam seperti serangan pemikiran atau fahaman iaitu sekularisme, humanisme, nihilisme, orientalisme, liberalisme dan lain-lain. Dengan ilmu-ilmu tersebut, masyarakat akan lebih berhati-hati dan berwaspada untuk menerima sesuatu ideologi dengan sewenang-wenangnya dan hal ini merupakan langkah yang sangat baik demi membentuk umat Islam yang cemerlang sama ada dari segi fizikal mahupun spiritual yang sentiasa berpegang teguh kepada ajaran-ajaran yang terkandung dalam al-Quran dan al-Sunnah.

#### KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, menerusi kajian ini mendapati bahawa tahap kefahaman responden wanita Islam kelas menengah di Lembah Klang mengenai gagasan Islam liberal perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan lagi. Pendedahan mengenai fahaman tersebut perlu diperluaskan serta diperbanyakkan lagi oleh pihak-pihak tertentu seperti Jabatan Agama Islam Selangor seperti dengan cara menerbitkan beberapa buah buku kecil yang berbentuk poket dengan menggunakan bahasa yang mudah difahami sesuai dengan masyarakat awam khasnya untuk memberi pendedahan dan huraian yang jelas kepada mereka mengenai apa yang dimaksudkan dengan fahaman

Islam liberal dan bahayanya fahaman tersebut terhadap akidah umat Islam. Selain itu, pihak-pihak tertentu juga boleh menerbitkan beberapa artikel yang memuatkan maklumat yang ringkas dan padat mengenai fahaman Islam liberal dan kemudiannya diedarkan di masjid-majid, universiti-universiti dan juga di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai. Begitu juga dengan aktiviti-aktiviti lain seperti memperbanyakkan anjuran ceramah atau seminar yang berkaitan dengan isu-isu fahaman Islam liberal kepada masyarakat supaya masyarakat lebih memahami dan menguasai mengenai isu ini.

#### RUJUKAN

- Abdullah Akhili Abdul Latif, Farahdina Abd. Manaf, Huzaimah Ismail, Norsiah Sulaiman & Salleh Hj. Daud. 2006. *Asas-asas Islam – Ad-din, Aqidah & Syariah*. Kuala Lumpur: iBook Publication.
- Abdul Rahman Embong. 1998. *Golongan Pengurus dan Professional Melayu Satu Kajian tentang Pemodenan dan Transformasi Masyarakat*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- \_\_\_\_\_. 2002. *State-led Modernization and the New Middle Class in Malaysia*. New York: Palgrave.
- Asmah Bee Mohd Nor. 1999. *Metodologi Kaunseling dalam Menangani Masalah Akidah Umat Islam Masa Kini*. <http://www.kliniksalam.5u.com/nota/counseling1.htm> [2 Ogos 2011]
- Berita Harian*. 2011. Tulisan Mandela inspirasi Najib. <http://www.bharian.com.my/bharian/articles/TulisanMandelainspirasiNajib/Article> [14 Ogos 2100].
- Ishak Sulaiman. 2009. Liberalisme dalam anti hadith di Indonesia dan Malaysia. Dlm. *Islam liberal isu dan cabaran*, disunting oleh Abdul Karim & Roslan Mohd Nor, 111-129. Selangor: Persatuan Ulama Malaysia.
- Kamus Dewan*. 2005. Edisi keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mardzelah Mokhsin. 2006. *Sains Pemikiran & Etika*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Nordin Selat. 1976. *Kelas Menengah Pentadbir Melayu: Satu Kajian Perkembangan Gaya Hidup*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Berhad.
- Posiah Hj. Mohd Isa. 1987. *Kelas menengah Melayu: satu kajian mengenai sosiologisasi politik dan budaya politik*. Tesis Sarjana Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.
- Shaharom TM Sulaiman. 2002. Wacana Islam liberal di Timur Tengah. *Massa* 3-9 Ogos.
- \_\_\_\_\_. 2002. Mengenal pemikiran Islam liberal. *Massa* 12-18 Januari.
- Umran Mohd Anas Khan. 1993. *Kelas menengah Melayu bandar: satu kajian status sosio-ekonomi dan politik*



- Jabatan Antropologi Dan Sosiologi. Universiti Malaya.  
Wikipedia. (tth). Amina Wadud. [http://en.wikipedia.org/wiki/Amina\\_Wadud](http://en.wikipedia.org/wiki/Amina_Wadud) [22 Januari 2011].  
Yoginder Sikand. 2009. *Syed Akbar Ali: the Quranic Islam verses the religion of Islam*. <http://madrasareforms.blogspot.com/2009/09/syed-akbar-ali-quranic-islam-versus.html> [24 Jun 2011].  
Zahir Zainuddin. 2008. *Kadar kemiskinan Malaysia turun kepada 3.6 peratus*. <http://zahirzainudin.blogspot.com/2008/03/kadar-kemiskinan-malaysia-turun-kepada.html> [5 April 2011].  
\_\_\_\_\_. 2009. Kelas menengah Melayu mencorak perubahan. <http://zahirzainudin.blogspot.com/2009/04/kelas-menengah-melayu-mencorak.html>. [14 Ogos 2010]  
Zakaria Stapa. 2001. *Akidah dan akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publications 7 Distributors Sdn Bhd.
- Azalina Tatar, Ph.D  
Latifah Abdul Majid, Ph.D  
Jabatan Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
umilm@ukm.my